

Homestay haram warga asing akan digempur

➔ **Perniagaan langgar permit kerja, pengusaha boleh kena tindakan**

Oleh **Che Wan Badrul Alias, Safeek Affendi Razali dan Mohd Nasaruddin Parzi**
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Jabatan Imigresen akan menggempur kediaman mewah dijadikan penginapan sewa atau homestay secara tidak sah oleh warga Bangladesh yang jelas melanggar permit kerja serta di luar skop bidang pekerjaan dibenarkan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Seri Mustafar Ali, berkata walaupun mereka dibenarkan bekerja dalam sektor perkhidmatan, ia terhad kepada sub-sektor tertentu, seperti kerja perhotelan dan pembersihan.

"Menjadi penyelia dan mengurus homestay, tidak termasuk dalam sub-sektor pekerjaan yang dibenarkan. Mereka tidak boleh menjalankan kegiatan itu apatah lagi sebagai penyelia," katanya kepada BH, semalam.

Beliau berkata, tindakan juga boleh diambil terhadap pengusaha atau majikan yang menggajikan warga asing berkenaan jika perniagaan itu membabitkan rakan kongsi warga tempatan atau dimiliki rakyat negara ini.

"Kita boleh ambil tindakan ke atas majikan kerana menggajikan warga asing yang melanggar permit kerja," katanya.

Semalam, BH Bongkar melaporkan warga Bangladesh yang sebelum ini lebih ramai bekerja atau 'mengusahakan perniagaan' dalam sektor perkhidmatan seperti restoran atau cuci kenderaan, dilihat menceburi pula bisnes rumah penginapan atau homestay mewah, terutama di bandar besar.

Disyaki tak daftar perniagaan

Apa yang mencurigakan, mereka disyaki tidak mendaftarkan perniagaan itu dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan atau membayar warga tempatan untuk menjadi 'proksi' syarikat yang daftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Walaupun mendaftarkan dengan SSM, mereka mudah memanipulasi pendapatan hasil perniagaan berkenaan kerana berurusan secara tunai dan bakal penyewa tidak perlu membuat pembayaran pendahuluan secara dalam talian.

Tinjauan BH di sekitar ibu negara mendapati warga asing terbabit disyaki mengurus puluhan unit kediaman seperti suite, pangsapuri dan kondominium, dipercayai menjana keuntungan bulanan mencecah puluhan ribu ringgit, namun tidak membayar cukai pendapatan perniagaan.

Mustafar berkata, pihaknya boleh melakukan pemantauan dan serbuan, namun usaha membanteras kegiatan itu tetap memerlukan tindakan bersepadu membabitkan beberapa agensi berkaitan lain, khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Adakalanya kesalahan mereka (warga asing) terletak di bawah bidang kuasa agensi dan jabatan lain, termasuk PBT seperti dalam kes dilaporkan BH. Sebab itu, penguatkuasaan sekarang dibuat menerusi

Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) membabitkan banyak agensi," katanya.

Warga asing yang menjalankan perniagaan secara tidak sah boleh dikenakan tindakan mengikut Peraturan 39 (b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1959/63 kerana melanggar permit kerja. Mereka boleh didenda sehingga RM1,000 atau penjara sehingga enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Sementara itu, Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Datuk Abdul Halim Mansor, berkata warga Bangladesh yang masuk menggunakan permit kerja ke negara ini, namun mengusahakan perniagaan jelas melakukan kesalahan.

Perketat pengeluaran permit

Katanya, ada warga Bangladesh dikecualikan bebas menjalankan perniagaan seperti mengambil upah memotong rumput, membuka premis perniagaan seperti kedai runcit dan mengusahakan kilang pencetakan.

"Kita amat khuatir bila mereka dibiarkan bebas berniaga seperti menyewakan rumah penginapan satu hari nanti ramai belia dan rakyat tempatan tidak dapat bekerja kerana sektor itu sudah dimonopoli warga asing," katanya.

Justeru, beliau menggesa kementerian berkaitan memperketatkan pengeluaran permit kerja kepada majikan, di samping meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan.

Abdul Halim juga mencadangkan Kementerian Sumber Manusia segera menguatkuasakan nisbah 1:5, iaitu seorang pekerja asing kepada lima pekerja tempatan sebagai syarat baharu untuk majikan yang mahu menggajikan warga asing dalam pelbagai sektor pekerjaan di negara ini.